



KENYATAAN MEDIA
YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13 APRIL 2016

**OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) BAGI MEMBANTU MENANGANI
JEREBU DAN KRISIS AIR**

OPA di Subang dengan kerjasama TUDM hari ini telah bermula pada jam 2.20 petang dan berakhir pada jam 4.40 petang. Hujan telah dikesan di semua kawasan sasaran iaitu :

1. Empangan Durian Tunggal, Melaka
2. Empangan Gemenceh dan Sepri di Negeri Sembilan.

Manakala OPA di utara Semenanjung Malaysia dengan kaedah pembakaran *flare* bermula pada jam 1.28 petang dan berakhir pada jam 3.56 petang. Walau bagaimanapun, tiada hujan yang dikesan di kawasan-kawasan berikut:

1. Empangan Timah Tasoh di Perlis
2. Empangan Pedu, Muda dan Beris di Kedah
3. Empangan Bukit Merah di Perak.

OPA tidak dapat dijalankan di Empangan Ahning, Kedah dan Empangan Bukit Merah, Perak kerana tiada awan yang sesuai dikesan.

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Telefon : 03-8885 8822 / 013-38164284 / 012-9075372
Emel : ukk.mosti@1govuc.gov.my